



جابتن تناک

JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

GARIS PANDUAN PENJIMATAN TENAGA BAGI KEDAI- KEDAI RUNCIT

Pihak Kerajaan melalui Bahagian Tenaga Lestari, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri telahpun menetapkan sasaran strategik jangka pendek bagi pengurangan penggunaan tenaga elektrik secara bersepadu bagi penjimatan penggunaan bahan bakar, mengurangkan pengeluaran karbon dan memupuk budaya lestari.

Inisiatif ini merangkumi semua sektor termasuk sektor komersial yang melibatkan kedai-kedai seluruh negara.

Dalam perkara ini, kerjasama serta sokongan padu daripada semua pemilik kedai-kedai runcit di seluruh negara adalah diperlukan agar hasrat murni kerajaan akan dapat dicapai ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mengamalkan penggunaan tenaga elektrik yang cekap, bijak dan berhemah.

OBJEKTIF

1. Penjimatan Tenaga Elektrik melalui Kecekapan Tenaga elektrik bermaksud mengurangkan penggunaan tenaga elektrik daripada peralatan-peralatan elektrik yang terdapat di dalam premis kedai runcit berkenaan seperti sistem pencahayaan (lampu), pendingin hawa dan barangan elektrik yang lainnya tanpa menjejaskan fungsi-fungsi premis dan keselesaan para pengguna.
2. Ianya juga akan dapat mengelakkan terjadinya penggunaan elektrik yang berlebihan, pembaziran dan yang tidak selamat, kerana jika ini terjadi ianya boleh mengakibatkan litar menjadi panas dan boleh mengakibatkan bahaya misalnya kebakaran kedai, terkena kejutan elektrik, kerosakan peralatan/perkakas elektrik dan sebagainya.
3. Mewujudkan *focal point* bagi setiap premis-premis perniagaan yang bertanggung jawab untuk memantau dan merekod penggunaan tenaga elektrik pada setiap bulan.



ISI KANDUNGAN

PENJIMATAN SISTEM LAMPU	1
PENJIMATAN ALAT PENDINGIN HAWA	3
PENJIMATAN SISTEM PENDINGIN DAN PETI SEJUK	5
PERALATAN-PERALATAN ELEKTRIK YANG LAIN KOMPUTER, MESIN CETAK, PENGIMBAS DAN FOTOKOPI	7



PENJIMATAN SISTEM LAMPU



Kurangkan penggunaan lampu dalam dan luar secara berlebihan.



Kurangkan penggunaan lampu hiasan di kawasan luar kedai.



Disarankan menggantikan lampu-lampu yang rosak dengan lampu jenis jimat tenaga seperti lampu *Compact Fluorescent Light* (CFL) dan lampu LED (*Light Emitting Diode*).

Padamkan lampu yang tidak atau jarang digunakan seperti bilik stor, tandas, bilik pantri, dan kawasan lainnya.




Disarankan untuk menggunakan “*Solar Panel LED*” bagi menerangi kawasan luar, kawasan letak kereta dan kawasan-kawasan yang lain.





PENJIMATAN ALAT PENDINGIN HAWA

Disarankan untuk menggunakan pendingin hawa yang cekap tenaga.



Bersihkan penapis udara pendingin hawa secara kerap untuk mengekalkan tahap kecekapan.

Elakkan kemasukkan udara luar yang panas dan lembab dengan menggunakan tirai udara (*air curtain*), *PVC strip curtain* dan sebagainya.



Ikut jadual penyelenggaraan sistem pendingin hawa secara keseluruhannya yang telahpun ditetapkan.




Elakkan untuk meletakkan *compressor* pendingin hawa di bawah cahaya matahari. Jika tidak dapat dielakkan, pasang alat pelindung panas misalnya dipasang atap pelindung supaya tidak terkena panas dari matahari (*direct sunlight*).



PENJIMATAN SISTEM PENDINGIN DAN PETI SEJUK

Bersihkan *cooling coils* di belakang semua unit. Kotoran yang terkumpul dapat menjejaskan pemindahan haba yang betul dan mengurangkan kecekapan dan kapasiti peti sejuk.



Pastikan pintu peti sejuk tertutup rapat bagi menghalang udara panas daripada memasuki unit.

Disarankan untuk menggunakan peti sejuk yang cekap tenaga dan mempunyai label kecekapan tenaga.



Selaraskan suhu keparas - 25°C hingga -22°C bagi peti pembeku (freezer) dan 2°C hingga 3°C bagi peti sejuk (refrigerator).



**PERALATAN-
PERALATAN
ELEKTRIK YANG
LAIN
KOMPUTER,
MESIN CETAK,
PENGIMBAS
DAN FOTOKOPI**



Matikan suis computer, mesin pencetak dan fotokopi selepas sahaja tamat waktu operasi.



Ikut jadual penyelenggaraan yang telahpun ditetapkan.



Mengamalkan penggunaan ciri-ciri pengurusan tenaga seperti menetapkan komputer kepada keadaan *sleep mode* apabila tidak digunakan.

BANTUAN DAN KHIDMAT NASIHAT

Mana-mana pemilik kedai-kedai runcit yang memerlukan sebarang bantuan atau khidmat nasihat dari segi teknikal untuk melaksanakan program dan aktiviti peningkatan kecekapan tenaga boleh berhubung terus kepada:



Bahagian Peralihan Tenaga,
Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana
Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan BB 3913,
Negara Brunei Darussalam



+673 2384488 ext 1298



SED@energy.gov.bn



www.energy.gov.bn